

NAMA:..... KELAS:..... TARIKH: 15/8/2021 HARI:.....

MATAPELAJARAN: BAHASA MELAYU KOMUNIKASI

TEMA 6: MALAYSIA TANAH AIRKU

Unit 16: Di Sini Tumpahnya Darahku

S.K: 1.3 Berbincang dan bersoal jawab tentang sesuatu perkara.

S.P: 1.3.1 Mengemukakan soalan berhemah untuk mencungkil pendapat dengan betul dan berhemah.

1.3.2 Mengemukakan jawapan yang sesuai dengan betul, tepat dan berhemah.

OBJEKTIF:

Membolehkan murid:

- memberikan sekurang-kurangnya 2 pendapat tentang pantun yang diberi.
- membina sekurang-kurangnya 2 soalan yang sesuai berdasarkan pantun diberi.

KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

ARAHAN: Lafaz pantun di bawah, kemudian *drag and drop* jawapan yang tepat.

Pada pendapat anda, apakah faedahnya jika kita bersatu hati?

Apakah pesanan yang diberikan dalam pantun di atas?

Jelaskan pengajaran yang boleh diambil
daripada rangkap kedua pantun di atas?

Meja diraja cantik diukir,
Kayu jati kepulauan Sulu;
Sebarang kerja hendaklah difikir,
Tidak nanti mendapat malu.

Dari hilir ke Kuala Jelutung,
Sambil dicuba labuhkan pukut;
Bulat air kerana pembetung,
Bulat manusia kerana muafakat.

Dari kota ke Seri Menanti,
Dagangan sarat dengan barangan;
Jika kita bersatu hati,
Kerja berat menjadi ringan.

Burung tempua burung tekukur,
Atas bidara di dalam taman;
Panjatkan doa kita bersyukur,
Moga negara bertambah aman.

Pokok mamam pohon mengkudu,
Halia bara tanam-tanaman;
Rakyat aman bersatu padu,
Negara sejahtera tanpa ancaman.

1)

Pesanan yang diberikan dalam pantun di atas ialah rakyat perlu hidup bersatu padu.

2)

Pengajaran yang boleh diambil daripada rangkap kedua pantun di atas ialah muafakat akan membawa berkat.

3)

Pada pendapat saya, faedahnya jika kita bersatu hati ialah kerja yang berat akan menjadi ringan.